

1975

KUALA LUMPUR, 15 APR (BERNAMA) -- DI NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA TENAGA DAN USAHA KAUM WANITA LEBIH DIPERLUKAN DARI NEGARA-NEGARA MAJU DENGAN WANITA-WANITA MEREKA YANG TELAH +DIBEBASKAN.+

UNTUK MENGGUNAKAN PUNCA TENAGA INI MEREKA HENDAKLAH DIBERI PELUANG-PELUANG YANG SAMA UNTUK MEMAJUKAN BAKAT MASING-MASING, DEMIKIAN KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

JIKA KAUM WANITA DIKETEPIKAN INI BERERTI HILANGLAH SETENGAH DARI TENAGA MANUSIA YANG SANGAT-SANGAT DIPERLUKAN DALAM PEMBANGUNAN, KATANYA.

WALAUPIUN TERDAPAT DISKRIMINASI DI SANA SINI NAMUN KEMUDAHAN PELAJARAN TERBUKA KEPADA WANITA DAN KEHADIRAN MEREKA DI SETIAP BIDANG PELAJARAN MEMBUKTIKAN SIKAP LIBERAL KAUM LELAKI TERHADAP MEREKA.

+KAUM WANITA YANG TERLATIH, BERKEBOLEHAN DAN BERSEDIA SESUNGGHNYA ADALAH RAKAN LELAKI DALAM PEMBANGUNAN,+ KATANYA.

X DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM KERTAS KERJANYA BETAJUK +PERKONGSIAN DALAM PEMBANGUNAN+ DI SEMINAR MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA DI SINI. -- BERSAMBUNG 1750/YF

603

MAHATHIR - WANITA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYERU KAUM WANITA MEMASUKI SEMUA LAPANGAN KERANA WANITA-WANITA YANG TERLATIH TIDAK PATUT MEMBIARKAN LATIHAN MEREKA DISIA-SIAKAN DENGAN BERHENTI KERJA APABILA BERKAHWIN.

+MEREKA PATUT MENYUMBANGKAN KEMAHIRAN DAN KEBOLEHAN MEREKA YANG ISTIMEWA UNTUK NEGARA BILA MANA MUNGKIN, WALAUPIUN SEBAGAI ISTERI DI RUMAH.

+SUMBANGAN MEREKA INI TIDAK KURANG DARIPADA AKITEK WANITA, JURUTERA WANITA ATAUPUN MANA-MANA WANITA BEKERJA YANG +MERDEKA+, KATANYA.

DR. MAHATHIR MENAMBAH, NEGERA-NEGARA MEMBANGUN MEMERLUKAN TENAGA DAN SUMBER DARI SEMUA PIHAK DAN JIKA INI DIFAHAM DENGAN SESUNGGHNYA PERSELISIHAN FAHAM TIDAK MUNGKIN TIMBUL DAN PEMBANGUNAN AKAN MAJU TERUS SERTA KEJAYAAN TERJAMIN.

BAGAIMANAPUN TEGASNYA, APA YANG TIDAK DIPERLUKAN TALAH PERBUATAN MELAUING-LAUNGKAN COGANKATA YANG MENYAKITKAN TELINGA DAN JUGA PERJUANGAN YANG MENIMBULKAN KEKACAUAN SEPERTI YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA MAJU DI BARAT.

MENURUTNYA, SETELAH MENCAPAI PEMBANGUNAN, KAUM WANITA DI NEGARA-NEGARA TERSEBUT MAMPU UNTUK MENJALANKAN PERJUANGAN-PERJUANGAN LIAR DAN HURUHARA DENGAN BERTANDING BERSAMA LELAKI UNTUK MEMBUKTIKAN SIAPA YANG LEBIH MERDEKA. -- BERSAMBUNG 1755/YF

1128

604

MAHATHIR - WANITA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK MAMPU MEMPUNYAI KEADAAN SERUPA ITU KERANA MASIH JAUH KE BELAKANG DAN TARAF HIDUP NEGARA INI JUGA MASIH RENDAH.

KATANYA, WALAUPUN NEGARA INI TELAH MENCAPAI KEBEBASAN POLITIK TETAPI IMPERIALISMA EKONOMI DALAM BEBERAPA BENTUK DAN CORAK MASIH WUJUD.

+OLEH ITU KITA TIDAK BOLEHLAH BERSENANG DIRI DAN BERMAIN. KITA PERLU MEMEGANG PERSPEKTIF YANG NYATA, + KATANYA.

MENTERI UNDANG-UNDANG DAN PEGUAM NEGARA, TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF DALAM KERTAS KERJANYA MENGENAI WANITA DAN UNDANG-UNDANG BERKATA, UNDANG-UNDANG NEGARA INI ADALAH PROGRESIF DAN ADIL.

IA MEMBERIKAN PELUANG YANG SAMA KEPADA KAUM LELAKI DAN WANITA BAGI MENCAPAI KEMAJUAN DALAM SEMUA LAPANGAN HIDUP.

KATANYA, JIKA TERDAPAT DISKRIMINASI, INI MUNGKIN DITIMBULKAN OLEH SIKAP PERIBADI DAN BUKANNYA DI SISI UNDANG-UNDANG. DAN MASANYA TELAH TIBA BAGI SIKAP SERUPA ITU DIUBAH. -- BERSAMBUNG 1759/YF

605

MAHATHIR - WANITA 4 KUALA LUMPUR

+KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH KAUM WANITA DALAM BERBAGAI LAPANGAN HIDUP SEKARANG INI PATUT MEYAKINKAN KITA BAHAWA WANITA, JIKA DIBERI PELUANG, BOLEH MEMBUAT APA SAHAJA YANG BOLEH DIBUAT OLEH KAUM LELAKI, + TAMBAHNYA.

TEGASNYA, UNDANG-UNDANG NEGARA INI MEMBERIKAN PERLINDUNGAN YANG LEBIH BAIK KEPADA KAUM WANITA DARI KAUM LELAKI.

SETENGAH-SETENGAH PERUNTUKAN MEMBOLEHKAN WANITA DIKENAKAN HUKUMAN LEBIH RINGAN DARI KAUM LELAKI BAGI SESUATU KESALAHAN JENAYAH YANG SAMA.

HUKUMAN SEBAT ATAU DERA TERHADAP KESALAHAN JENAYAH DIKECUALIKAN KEPADA KAUM WANITA.

TAN SRI KADIR MENAMBAH, PERUNTUKAN JUGA DIBUAT BAGI MEMBOLEHKAN KAUM WANITA MENDAPAT LAYANAN YANG LEBIH BAIK SEPERTI PERSARAAN LEBIH AWAL DAN CUTI BERSALIN.

UNDANG-UNDANG JUGA, KATANYA, MEMPERUNTUKKAN PEMULIHAN TERHADAP WANITA ATAU GADIS YANG TERJERUMUS ATAU HAMPİR TERJERUMUS KE LEMBAH MAKSIAH SEPERTI PELACURAN.

MENGENAI UNDANG-UNDANG NIKAH CERAI, BELIAU BERKATA, PARA ISTERI DIBERI PERLINDUNGAN YANG MENCUKUPI DAN SENTIASA DIBELA DARI SEBARANG PENGANIAYAAN. -- BERNAMA 1813/YF